

MAHATHIR-KOPERATIF

1981

PENAMPANG (SABAH), 16 FEB. (BERNAMA) — PARTI-PARTI KOMPONEN DALAM BARISAN NASIONAL HENDAKLAH BERSAMA-SAMA MENGEMBELING TENAGA DALAM KEGIATAN EKONOMI DI SAMPING SALING MEMBANTU DALAM BIDANG POLITIK, KATA DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD.

PEMANGKU PERDANA MENTERI BERKATA DENGAN CARA INI MEREKA AKAN MENOLONG KERAJAAN BARISAN NASIONAL MENCAPAI OBJEKTIF-OBJEKTIF DASAR EKONOMI BARU.

BELIAU BERKATA DEMIKIAN SEMASA MELANCARKAN JAYA USAHA BERSATU SDN. BHD. (JUB), SEBUAH SYARIKAT USAHASAMA ANTARA KOPERASI USAHA BERSATU MALAYSIA BHD. (KEPUNYAAN UMNO) DAN KOPERASI BERJAYA SABAH (KOPERATIF PARTI BERJAYA) DI SINI KELMARIN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA KERAJAAN SENTIASA MENGGALAKKAN KERJASAMA DI KALANGAN PARTI-PARTI KOMPONEN DALAM PROJEK-PROJEK USAHASAMA DAN LAIN-LAIN BIDANG EKONOMI YANG DAPAT MEMBERI FAEDAH KEPADA RAKYAT.

KERJASAMA DEMIKIAN AKAN MEMPERCEPATKAN USAHA KERAJAAN MENCAPAI KEMAJUAN DALAM DASAR EKONOMI BARU, SEPERTI PENCAPAIAN 30 PERATUS OLEH KAUM BUMIPUTERA DALAM PEMILIHAN SAHAM-SAHAM SEKTOR SYARIKAT. — BERSAMBUNG 1125/SZ

B511

MAHATHIR-KOPERATIS 2 PENAMPANG (SABAH)

DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMED, YANG JUGA MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN, BERKATA PENUBUHAN JUB MENUNJUKKAN KERJASAMA DUA PARTI KOMPONEN BARISAN NASIONAL DALAM BIDANG EKONOMI.

KATA BELIAU KERJASAMA ANTARA UMNO DAN BERJAYA INI JANGANLAH DISALAHERTIKAN BAHASA +UMNO TIDAK LAGI BERKECUALI+ SEBAGAI PARTI UTAMA DALAM BARISAN NASIONAL.

BELIAU MENEKANKAN PERLUNYA PARTI-PARTI KOMPONEN MENGAMBIL LANGKAH-LANGKAH YANG SESUAI UNTUK KEPENTINGAN RAKYAT.

MASANYA TELAH TIBA BAGI SEMUA PIHAK MELIBATKAN DIRI DALAM BERBAGAI BIDANG KERJASAMA KERANA USAHA DARI KERAJAAN SEMATA-MATA TIDAK MEMADAI DAN NEGARA TIDAK BOLEH BERGANTUNG SEPENUHNYA KEPADA INDUSTRI-INDUSTRI YANG TERTENTU SAHAJA. KATA BELIAU.

PARTI POLITIK BOLEH MEMAINKAN PERANAN MENAMBAHKAN PELUANG-PELUANG EKONOMI BAGI RAKYAT YANG PADA AKHIRNYA DAPAT MEMBAHAGIKAN KEMEWAHAN KEPADA RAKYAT KESELURUHANNYA. — BERSAMBUNG 1127/SZ

45

B512

MAHATHIR-KOPERATIF 3 PENAMPANG (SABAH)

BELIAU MENINGATKAN KEKAYAAN SUMBER-SUMBER ALAM DALAM NEGERI AKAN DIEKPLOITASIKAN TANPA BATAS SEKIRANYA PENGAWALAN KETAT TIDAK DIAMBIL PADA MASA LALU ORANG-ORANG ASING DIGUNAKAN UNTUK MENGEKPLOITASI KEKAYAAN NEGERI, TETAPI SEKARANG SECARA PERLAHAN-PERLAHAN KAUM BUMIPUTERA MENGAMBIL ALIH PENGGENDALIAN TIAP-TIAP INDUSTRI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENYERU RAKYAT MEREBut PELUANG-PELUANG EKONOMI YANG DIADAKAN OLEH KERAJAAN. — BERNAMA 1130/SZ